

# Melayu harus bina daya saing capai Wawasan 2020

Oleh Badrila Jamlus dan Fazallah Pit

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara maju dan berjaya tidak membawa makna jika anak Melayu tidak berada dalam kedudukan kejayaan yang membanggakan.

Perdana Menteri berkata, sehubungan itu menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak membuat persediaan bagi memastikan bangsa Melayu mencapai tahap kejayaan yang membanggakan, selanjutnya memberi lonjakan dan langkah besar untuk negara memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Katanya, persediaan itu perlu di-

susuli dengan keazaman kukuh dengan mengambil inspirasi kejayaan dua anak Melayu yang berjaya menawan puncak Gunung Everest.

"Setiap usaha yang dilakukan perlu mempunyai keyakinan walaupun ada perasaan takut tetapi kita perlu membina kekuatan, daya saing dan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kita dapat mencapai apa juga yang kita kehendaki," katanya ketika berucap pada majlis sambutan rasmi Wira Negara Everest 2004 di sini, malam tadi.

Majlis sambutan itu meraikan kejayaan dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhamad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali yang menawan puncak Everest pada 16 Mei lalu.

Terdahulu, mereka diberikan sambutan meriah oleh kira-kira 10,000 pelajar UiTM sebelum diarak dengan kenderaan khas mengelilingi Stadium UiTM dan menaiki pentas bertemu dengan Perdana Menteri.

Dua pelajar itu menerima sijil Malaysia Book of Records sebagai warga Malaysia paling muda menawan Gunung Everest yang ditandatangani Abdullah daripada Pengasas dan Pengerah Urusan The Malaysia Book of Records (MBR), Datuk Danny Ooi.

Abdullah yang turut mengucapkan tahniah kepada pasukan mendaki Everest itu berkata, kejayaan itu bukan saja menjadi kebanggaan seluruh warga UiTM tetapi menjadi kebanggaan bangsa dan negara.

Beliau menyifatkan kejayaan itu

hanya boleh dicapai mereka yang mempunyai keazaman, kecekalan hati, disiplin dan mental.

"Mudah-mudahan kejayaan ini menjadi contoh kepada orang lain untuk mencapai kejayaan lain kerana bukan perkara mudah mencapai kecemerlangan dan kejayaan pasukan mendaki ini adalah bukti gabungan semangat berpasukan.

"Kita tidak mahu hanya mempunyai kemudahan bertaraf dunia tetapi yang perlu ada pada kita adalah modal manusia dan ini perlu kita usahakan supaya tenaga manusia yang bakal kita lahirkan adalah berkualiti dengan kemampuan berfikir, merancang segala usaha untuk mencapai kejayaan," katanya

Beliau meminta semua institusi

khususnya pendidikan berusaha keras melahirkan tenaga manusia yang bermutu bagi memastikan negara terus mengecapi kejayaan khususnya matlamat Wawasan 2020.

Katanya, institusi pendidikan daripada peringkat rendah perlu memastikan anak didik, diasuh dari mendapat ilmu bagi membolehkan mereka menguasai pelbagai bidang.

Sementara itu, Muhamad Muqharabbin dan Ahmad Reduan menganggap segulung ijazah tidak mencukupi untuk menjadi insan cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ahmad Reduan berkata, kegiatan luar termasuk mendaki gunung penting dalam pembentukan diri seseorang pelajar menjadi seorang yang berdisiplin dan teratur.